

**D.R. 12/96**

**Naskhah Sahih—Bahasa Kebangsaan**

**RANG UNDANG-UNDANG  
LEMBAGA AKREDITASI NEGARA 1996**

---

**SUSUNAN FASAL**

---

**BAHAGIAN I**

**PERMULAAN**

Fasal

1. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Tafsiran.

**BAHAGIAN II**

**LEMBAGA**

3. Penubuhan Lembaga.
4. Fungsi Lembaga.
5. Keanggotaan Lembaga.
6. Timbalan Pengerusi.
7. Saraan dan elaun.
8. Jawatankuasa.
9. Peruntukan berhubung dengan Pengerusi, anggota Lembaga dan Jawatankuasa.
10. Perwakilan fungsi Lembaga.
11. Kuasa Menteri untuk memberikan arahan.
12. Penyata, laporan, akaun dan maklumat.

## BAHAGIAN III

## KETUA EKSEKUTIF, PEGAWAI, PENGKHIDMAT

## Fasal

13. Pengerusi sebagai ketua eksekutif.
14. Setiausaha.
15. Perlantikan pegawai dan pengkhidmat Lembaga.
16. Peraturan-peraturan mengenai syarat perkhidmatan.
17. Kuasa untuk memberikan pinjaman dan wang pendahuluan kepada pegawai dan pengkhidmat.
18. Bayaran faedah persaraan, gratuiti dan elaun lain.
19. Kelulusan Perbendaharaan, Jabatan Perkhidmatan Awam, dll. hendaklah diperolehi terlebih dahulu.
20. Tatatertib pegawai dan pengkhidmat.
21. Jawatankuasa tatatertib.
22. Rayuan terhadap keputusan Jawatankuasa tatatertib.
23. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan tatatertib.
24. Pengenaan surcaj.
25. Notis tunjuk sebab sebelum disurcaj.
26. Pemberitahuan surcaj.
27. Penarikbalikan surcaj.
28. Mendapatkan surcaj.
29. Lembaga boleh menerimapakai peraturan, dsb.

## BAHAGIAN IV

## PERUNTUKAN KEWANGAN

30. Kumpulan wang.
31. Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungkan pada kumpulan wang.
32. Pemeliharaan kumpulan wang.
33. Kuasa untuk meminjam.
34. Deposit dan pelaburan kumpulan wang.
35. Perbelanjaan dan penyediaan anggaran.
36. Akaun dan laporan.
37. Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 adalah terpakai.

BAHAGIAN V  
AKREDITASI

Fasal

38. Permohonan akreditasi.
39. Kuasa Lembaga untuk membenarkan atau menolak permohonan.
40. Kuasa Lembaga untuk mengenakan syarat.
41. Rekod dan dokumen yang dikehendaki supaya disimpan dan dikemukakan.
42. Penilaian semula sijil, diploma dan ijazah.
43. Pembatalan perakuan akreditasi.
44. Daftar.

BAHAGIAN VI  
KESALAHAN DAN PENGUATKUASAAN

45. Kesalahan dan penalti.
46. Anggapan.
47. Tanggungan pengarah syarikat, dll. bagi kesalahan yang dilakukan oleh institusi pendidikan tinggi swasta yang ditubuhkan olehnya, dsb.
48. Tafsiran pegawai penyiasat,
49. Kuasa pegawai penyiasat.
50. Kuasa untuk menggeledah dan menyita.
51. Menggeledah dan menyita tanpa waran.
52. Kuasa untuk memanggil bagi tujuan pemeriksaan.
53. Kuasa untuk mengkompaun.
54. Memulakan dan menjalankan pendakwaan.
55. Tiada hak ke atas kos prosiding, kerugian atau relief lain, dsb.

BAHAGIAN VII  
AM

56. Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.
57. Obligasi menyimpan rahsia.
58. Pengkhidmat awam.
59. Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948.
60. Perkara yang dilakukan pada menjangkakan bahawa Akta ini akan diperbuat.

JADUAL



## RANG UNDANG-UNDANG

*bernama*

Suatu Akta untuk menubuhkan Lembaga Akreditasi Negara dan untuk mengadakan peruntukan bagi fungsi-fungsinya dan kuasa-kuasanya serta bagi maksud-maksud yang berkaitan dengannya.

[ ]

MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Sen Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya, seperti berikut:

## BAHAGIAN I

## PERMULAAN

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Lembaga Akreditasi Negara 1996 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*, dan Menteri boleh menetapkan tarikh yang berlainan bagi peruntukan yang berlainan dalam Akta ini. Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.
2. Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain— Tafsiran.

"akreditasi" ertinya suatu pengiktirafan rasmi akan hakikat bahawa sijil, diploma dan ijazah yang dianugerahkan oleh institusi pendidikan tinggi swasta adalah selaras dengan standard yang ditetapkan oleh Lembaga;

"anggota" ertinya anggota Lembaga;

"diploma" ertinya kelayakan akademik yang dianugerahkan kepada seseorang oleh institusi pendidikan tinggi swasta, sesudah orang itu tamat mengikuti dengan jayanya suatu kursus pengajian yang dirancang supaya membawa kepada penganugerahan diploma itu atau yang setaraf dengannya;

"ijazah" ertinya kelayakan akademik yang dianugerahkan kepada seseorang di peringkat Sarjana Muda atau Sarjana atau Kedoktoran oleh institusi pendidikan tinggi swasta yang bertaraf Universiti atau Kolej Universiti, sesudah orang itu tamat mengikuti dengan jayanya suatu kursus pengajian yang dirancang supaya membawa kepada penganugerahan ijazah itu atau yang setaraf dengannya;

*Akta*

"institusi pendidikan tinggi swasta" ertinya institusi pendidikan tinggi swasta yang ditubuhkan atau disifatkan telah ditubuhkan dan didaftarkan di bawah Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996;

"jawatankuasa" ertinya jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen 8;

"ketua eksekutif" ertinya ketua eksekutif Lembaga yang juga adalah Pengerusi;

"kumpulan wang" ertinya kumpulan wang yang ditubuhkan di bawah seksyen 30;

"kursus pengajian" ertinya kursus pengajian dan termasuklah program latihan, yang dikendalikan oleh institusi pendidikan tinggi swasta;

"Lembaga" ertinya Lembaga Akreditasi Negara yang ditubuhkan di bawah seksyen 3;

"Menteri" ertinya Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi pendidikan;

"Pengerusi" ertinya Pengerusi Lembaga yang dilantik di bawah perenggan 5(1)(a);

"profesional" ertinya seseorang yang profesionnya dikawalselia oleh undang-undang berkaitan dengan pendaftarannya;

"Setiausaha" ertinya Setiausaha Lembaga yang dilantik di bawah seksyen 14;

"sijil" ertinya kelayakan akademik yang dianugerahkan kepada seseorang oleh institusi pendidikan tinggi swasta, sesudah orang itu tamat mengikuti dengan jayanya suatu kursus pengajian yang dirancangkan supaya membawa kepada penganugerahan sijil itu atau yang setaraf dengannya.

## BAHAGIAN II

### LEMBAGA

3. (1) Maka dengan ini tertubuhlah suatu pertubuhan perbadanan dengan nama "Lembaga Akreditasi Negara". Penubuhan Lembaga.

(2) Lembaga adalah kekal turun-temurun.

(3) Lembaga boleh mendakwa dan didakwa atas namanya.

(4) Tertakluk kepada dan bagi maksud-maksud Akta ini, Lembaga boleh, atas apa-apa terma yang difikirkan patut oleh Lembaga—

(a) boleh membuat kontrak;

(b) boleh memperolehi, membeli, mengambil, memegang dan menikmati apa-apa jenis harta alih dan harta tak alih; dan

(c) boleh memindahkan, menyerahkan, menyerahkan balik, memulangkan, menggadaikan, menggadai-janjikan, mendemiskan, menyerahkan semula,

memindahmilikkan, atau dengan apa-apa cara lain melupuskan, atau membuat apa-apa urusan mengenai—

- (i) apa-apa harta alih atau harta tak alih; dan
- (ii) apa-apa kepentingan mengenai apa-apa harta alih atau harta tak alih,

yang terletak pada Lembaga.

Fungsi  
Lembaga.

**4. (1) Fungsi-fungsi Lembaga adalah—**

- (a) untuk merumuskan dasar mengenai kawalan standard dan kualiti—
  - (i) kursus pengajian; dan
  - (ii) sijil, diploma dan ijazah;
- (b) untuk menetapkan, mengawasi, mengkaji semula dan menyelia standard dan kualiti—
  - (i) kursus pengajian; dan
  - (ii) sijil, diploma dan ijazah bagi tujuan pengakreditan;
- (c) untuk menentukan tahap pencapaian bagi bahasa kebangsaan dan mata pelajaran wajib yang ditetapkan dalam Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 sebagai pra-syarat bagi penganugerahan sijil, diploma atau ijazah; dan
- (d) untuk menasihatkan dan membuat syor kepada Menteri bagi kelulusannya ke atas kursus pengajian yang hendak dikendalikan oleh sesuatu institusi pendidikan tinggi swasta mengenai—
  - (i) kesesuaian persediaan berhubung dengan kemudahan pendidikan yang relevan dengan kursus pengajian itu; dan
  - (ii) jaminan standard dan kualiti kursus pengajian itu.

Akta

(2) Lembaga hendaklah mempunyai kuasa untuk melakukan segala-galanya yang suaimanfaat atau yang semunasabahnya perlu bagi, atau bersampingan dengan, pelaksanaan fungsi-fungsinya dan khususnya tetapi tanpa menjejaskan keluasan yang tersebut di atas—

- (a) untuk mengenakan fee atau apa-apa caj lain yang difikirkan patut oleh Lembaga bagi maksud melaksanakan mana-mana fungsinya; dan
- (b) untuk melakukan apa-apa perkara lain yang difikirkan patut oleh Lembaga untuk membolehkannya menjalankan fungsi-fungsinya dengan berkesan.

**5.** (1) Lembaga hendaklah terdiri daripada anggota yang Keanggotaan  
berikut: Lembaga.

- (a) seorang Pengerusi yang hendaklah dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong, atas nasihat Menteri; dan
- (b) tidak kurang daripada enam dan tidak lebih daripada sepuluh orang lain yang hendaklah dilantik oleh Menteri.

(2) Pengerusi dan anggota Lembaga hendaklah daripada kalangan orang yang berjaya, mempunyai kedudukan, dan berpengalaman dalam bidang akademik atau daripada kalangan profesional yang mempunyai pengalaman yang relevan dalam hal-hal pendidikan.

(3) Peruntukan Jadual adalah terpakai bagi Lembaga.

**6.** Menteri hendaklah melantik seorang Timbalan Pengerusi daripada kalangan anggota Lembaga yang hendaklah mempengerusikan mana-mana mesyuarat Lembaga semasa ketakhadiran Pengerusi dalam mesyuarat itu. Timbalan  
Pengerusi.

**7.** (1) Pengerusi hendaklah dibayar apa-apa saraan dan elaun sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri, selepas berunding dengan Menteri Kewangan. Saraan dan  
elaun.

(2) Tiap-tiap anggota Lembaga hendaklah dibayar elauan mengikut kadar yang ditetapkan oleh Menteri, selepas berunding dengan Menteri Kewangan.

Jawatan-kuasa.

**8.** (1) Lembaga boleh menubuhkan jawatankuasa-jawatankuasa yang difikirkannya suaimanfaat—

- (a) untuk menasihatkannya mengenai perkara-perkara berkaitan dengan fungsi-fungsinya;
- (b) bagi penunaian dan pelaksanaan yang sepatutnya akan fungsi-fungsinya; atau
- (c) bagi apa-apa maksud yang berbangkit daripada atau yang berkaitan dengan fungsi-fungsinya.

(2) Lembaga hendaklah melantik ke dalam sesuatu jawatankuasa—

- (a) sekurang-kurangnya seorang anggota Lembaga, yang hendaklah menjadi pengerusi jawatankuasa; dan
- (b) mana-mana orang lain yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(3) Anggota jawatankuasa hendaklah memegang jawatan selama apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam surat perlantikannya dan adalah layak untuk dilantik semula.

(4) Lembaga boleh membatalkan perlantikan mana-mana anggota jawatankuasa tanpa memberikan apa-apa sebab baginya.

(5) Anggota jawatankuasa boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatan dengan memberikan notis bertulis kepada pengerusi jawatankuasa.

(6) Lembaga boleh, pada bila-bila masa, memberhentikan atau mengubah keanggotaan sesuatu jawatankuasa.

(7) Tertakluk kepada Akta ini dan arahan-arahan yang diberikan oleh Lembaga, jawatankuasa boleh mengawalselia prosedurnya sendiri.

(8) Sesuatu jawatankuasa hendaklah mematuhi arahan-arahan yang diberikan kepadanya oleh Lembaga.

(9) Mesyuarat jawatankuasa hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa.

(10) Sesuatu jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mesyuaratnya bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkannya, tetapi orang itu tidak berhak mengundi dalam mesyuarat itu.

(11) Sesuatu jawatankuasa hendaklah menyebabkan—

(a) minit kesemua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya; dan

(b) salinan minit kesemua mesyuaratnya dikemukakan kepada Lembaga dengan seberapa segera yang praktik.

(12) Anggota jawatankuasa dan mana-mana orang yang diundang di bawah subseksyen (10) hendaklah dibayar apa-apa elaun dan perbelanjaan lain yang ditentukan oleh Lembaga, selepas berunding dengan Menteri.

**9.** (1) Tiada seorangpun boleh dilantik sebagai Pengerusi atau anggota Lembaga atau anggota jawatankuasa melainkan jika sebelum perlantikannya orang itu membuat suatu akuan berkanun sama ada dia mempunyai apa-apa kepentingan, dari segi kewangan atau selainnya, dalam apa-apa pengusahaan yang melibatkan institusi pendidikan tinggi swasta.

Peruntukan  
berhubungan  
dengan  
Pengerusi,  
anggota  
Lembaga dan  
jawatan-  
kuasa.

(2) Jika Pengerusi atau anggota Lembaga atau anggota jawatankuasa memperolehi apa-apa kepentingan, dari segi kewangan atau selainnya, dalam apa-apa pengusahaan yang melibatkan institusi pendidikan tinggi swasta, dia hendaklah dalam masa dua minggu selepas memperolehi kepentingan itu memberikan notis bertulis kepada Menteri dengan menyatakan kepentingan yang diperolehinya itu dan Menteri selepas menimbangkan perkara itu boleh, jika difikirkan patut, mengisytiharkan bahawa orang itu telah mengosongkan jawatannya.

Perwakilan  
fungsi  
Lembaga.

**10.** (1) Lembaga boleh mewakilkan mana-mana fungsi dan kuasanya, kecuali kuasanya untuk membuat peraturan-peraturan, kepada—

- (a) Pengerusi;
- (b) anggota Lembaga;
- (c) jawatankuasa;
- (d) ketua eksekutif; dan
- (e) pegawai atau pengkhidmat Lembaga.

(2) Perwakilan di bawah seksyen ini tidaklah menghalang Lembaga sendiri daripada melaksanakan atau menjalankan mana-mana fungsi atau kuasanya yang diwakilkan sedemikian pada bila-bila masa.

Kuasa  
Menteri  
untuk  
memberikan  
arahan.

**11.** (1) Lembaga hendaklah bertanggungjawab kepada Menteri.

(2) Menteri boleh, dari semasa ke semasa, memberikan arahan-arahan yang tidak tak konsisten dengan peruntukan Akta ini kepada Lembaga.

(3) Arahan-arahan yang diberikan oleh Menteri di bawah subseksyen (2) bolehlah yang berhubungan dengan—

- (a) apa-apa perkara yang didapati oleh Menteri menyentuh Dasar Pendidikan Kebangsaan; atau
- (b) pelaksanaan yang sepatutnya akan dasar, strategi dan garis panduan kebangsaan mengenai pendidikan tinggi yang dirumuskan oleh Majlis Pendidikan Tinggi Negara yang ditubuhkan di bawah Akta Majlis Pendidikan Tinggi Negara 1996.

Akta

(4) Lembaga hendaklah melaksanakan kesemua arahan yang diberikan di bawah seksyen ini dengan seberapa segera yang boleh.

**12.** (1) Lembaga hendaklah memberikan kepada Menteri, dan mana-mana pihak berkuasa awam sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri, apa-apa penyata, laporan, akaun dan maklumat mengenai harta dan aktiviti-aktivitinya sebagaimana yang dikehendaki atau diarahkan oleh Menteri, dari semasa ke semasa.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), Lembaga hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, menyebabkan dibuat dan dihantar kepada Menteri dan, jika diarahkan sedemikian oleh Menteri, kepada mana-mana pihak berkuasa awam suatu laporan yang memperkatakan aktiviti-aktiviti Lembaga sepanjang tahun kewangan yang sebelumnya.

(3) Laporan di bawah subseksyen (2) hendaklah dalam apa-apa bentuk dan hendaklah mengandungi apa-apa maklumat berhubung dengan presiding dan dasar Lembaga sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri dari semasa ke semasa.

### BAHAGIAN III

#### KETUA EKSEKUTIF, PEGAWAI, PENGKHIDMAT

**13.** (1) Tanpa menjejaskan peruntukan lain dalam Akta ini, Pengerusi hendaklah juga menjadi ketua eksekutif Lembaga.

(2) Lembaga hendaklah meletakhakkan kepada ketua eksekutif apa-apa kuasa dan mengenakan ke atasnya apa-apa kewajipan sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(3) Ketua eksekutif adalah bertanggungjawab bagi pentadbiran Lembaga pada keseluruhannya dan pengurusan fungsi-fungsi dan hal-ehwal hari ke hari Lembaga.

(4) Ketua eksekutif hendaklah mempunyai kawalan am ke atas pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmat Lembaga.

(5) Ketua eksekutif hendaklah melaksanakan apa-apa kewajipan tambahan yang diarahkan oleh Menteri dan Lembaga dari semasa ke semasa.

(6) Dalam menunaikan kewajipan-kewajipannya, ketua eksekutif hendaklah bertindak di bawah kuasa dan mengikut arahan am Lembaga.

(7) Jika ketua eksekutif tidak ada di Malaysia buat sementara atau tak berupaya buat sementara, oleh sebab sakit atau kerana apa-apa sebab lain yang mencukupi, untuk melaksanakan kawajipan-kewajipannya, Lembaga boleh mengarahkan Setiausaha untuk menjalankan kewajipan-kewajipan ketua eksekutif semasa ketua eksekutif tidak ada atau tak berupaya buat sementara itu.

Setiausaha. **14.** (1) Ketua eksekutif hendaklah, dengan persetujuan Lembaga, melantik seorang Setiausaha Lembaga.

(2) Lembaga hendaklah meletakkan kepada Setiausaha apa-apa kuasa dan mengenakan ke atasnya apa-apa kewajipan sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga.

(3) Setiausaha hendaklah membantu ketua eksekutif menjalankan kewajipan-kewajipannya di bawah Akta ini.

(4) Setiausaha hendaklah melaksanakan apa-apa kewajipan tambahan yang diarahkan oleh ketua eksekutif dari semasa ke semasa.

(5) Dalam menunaikan kewajipan-kewajipannya, Setiausaha hendaklah bertindak di bawah kuasa dan mengikut arahan am Lembaga.

(6) Jika Setiausaha tidak ada di Malaysia buat sementara atau tak berupaya buat sementara, oleh sebab sakit atau kerana apa-apa sebab lain yang mencukupi, untuk melaksanakan kewajipan-kewajipannya, ketua eksekutif boleh mengarahkan mana-mana pegawai Lembaga untuk menjalankan kewajipan-kewajipan Setiausaha semasa Setiausaha tidak ada atau tak berupaya buat sementara itu.

- 15.** Lembaga boleh melantik sekian bilangan pegawai dan pengkhidmat yang difikirkannya wajar dan perlu dan atas apa-apa terma dan syarat yang pada pendapatnya adalah sesuai bagi menjalankan maksud-maksud Akta ini. Perlantikan pegawai dan pengkhidmat Lembaga.
- 16.** Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan mengenai syarat-syarat perkhidmatan pegawai dan pengkhidmatnya. Peraturan-peraturan mengenai syarat perkhidmatan.
- 17.** Lembaga boleh memberikan pinjaman dan wang pendahuluan kepada pegawai dan pengkhidmatnya bagi apa-apa maksud dan atas apa-apa terma dan syarat yang ditentukan oleh Lembaga. Kuasa untuk memberikan pinjaman dan wang pendahuluan kepada pegawai dan pengkhidmat.
- 18.** Lembaga boleh membuat perkiraan bagi pembayaran kepada pegawai dan pengkhidmatnya serta orang tanggungan mereka apa-apa faedah persaraan, gratuiti dan elaun lain sebagaimana yang ditentukan oleh Lembaga. Bayaran faedah persaraan, gratuiti dan elaun lain.
- 19.** Walau apa pun peruntukan seksyen 15, 17 dan 18, Lembaga tidak boleh— Kelulusan Perbendaharaan, Jabatan Perkhidmatan Awam, dll. hendaklah diperolehi terlebih dahulu.
- (a) menubuhkan atau mengubahsuai apa-apa jawatan atau skim perkhidmatan untuk pegawai dan pengkhidmat Lembaga, termasuk terma dan syarat-syarat perkhidmatan dan gaji; dan
- (b) membuat perkiraan mengenai—
- (i) apa-apa skim pencen, faedah persaraan, gratuiti dan apa-apa skim yang berhubungan dengan elaun dan saraan lain; dan
- (ii) kemudahan pinjaman dan wang pendahuluan,
- tanpa kelulusan Perbendaharaan, Jabatan Perkhidmatan Awam atau pihak berkuasa lain yang berkenaan terlebih dahulu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

Tatatertib  
pegawai dan  
pengkhidmat.

**20.** Lembaga hendaklah mempunyai kuasa tatatertib ke atas semua pegawai dan pengkhidmatnya dan hendaklah menjalankan kawalan tatatertib berkenaan dengan semua orang sedemikian mengikut Akta ini dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen 23.

Jawatan-  
kuasa  
tatatertib.

**21.** (1) Maka hendaklah ditubuhkan suatu jawatankuasa tatatertib Lembaga berkenaan dengan Setiausaha yang terdiri daripada—

- (a) Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan yang hendaklah menjadi pengerusi jawatankuasa itu; dan
- (b) sekurang-kurangnya dua anggota Lembaga, yang ditentukan daripada kalangan anggota itu sendiri.

(2) Lembaga boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, menubuhkan jawatankuasa tatatertib yang berlainan bagi kategori berlainan pegawai dan pengkhidmat Lembaga.

(3) Yang berikut hendaklah terpakai bagi mana-mana jawatankuasa tatatertib yang ditubuhkan di bawah subseksyen (2);

- (a) jawatankuasa tatatertib itu hendaklah terdiri daripada apa-apa bilangan anggota Lembaga, selain daripada Pengerusi Lembaga, atau pegawai Lembaga, atau apa-apa kombinasi anggota dan pegawai itu; dan
- (b) seseorang pegawai yang menjadi anggota sesuatu jawatankuasa tatatertib tidaklah boleh lebih rendah pangkatnya daripada mana-mana pegawai atau pengkhidmat yang ke atasnya jawatankuasa tatatertib yang dia menjadi anggota mempunyai kuasa tatatertib.

(4) Jawatankuasa tatatertib yang ditubuhkan di bawah subseksyen (2) hendaklah menjalankan kuasanya dalam segala perkara berhubungan dengan tatatertib pegawai dan pengkhidmat yang diletakkan di bawah bidang kuasanya.

(5) Pada menjalankan fungsi dan kuasa tata tertibnya, jawatankuasa tata tertib yang disebutkan dalam subseksyen (1) dan (2) hendaklah mempunyai kuasa untuk mengambil tindakan tata tertib dan mengenakan apa-apa hukuman tata tertib atau apa-apa kombinasi dua hukuman tata tertib atau lebih sebagaimana yang diperuntukkan di bawah mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen 23.

**22.** (1) Sesuatu keputusan jawatankuasa tata tertib di bawah subseksyen 21(1) bolehlah dirayu kepada Menteri.

Rayuan terhadap keputusan jawatankuasa tata tertib.

(2) Sesuatu keputusan jawatankuasa tata tertib di bawah subseksyen 21(2) bolehlah dirayu kepada Lembaga Rayuan Tata tertib yang hendaklah terdiri daripada anggota yang berikut:

- (a) Pengerusi Lembaga, yang hendaklah menjadi pengerusi Lembaga Rayuan Tata tertib dan mempunyai undi pemutus; dan
- (b) tiga anggota Lembaga, yang bukannya anggota jawatankuasa tata tertib yang keputusannya ialah hal perkara rayuan itu, yang hendaklah dilantik oleh pengerusi Lembaga Rayuan Tata tertib dengan kelulusan Lembaga bagi maksud rayuan itu.

(3) Menteri atau Lembaga Rayuan Tata tertib, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh mengesahkan, mengakaskan atau mengubah keputusan jawatankuasa tata tertib.

(4) Apabila Menteri atau Lembaga Rayuan Tata tertib menimbangkan sesuatu rayuan di bawah subseksyen (1) atau (2), seorang anggota jawatankuasa tata tertib yang terhadap keputusannya rayuan itu dibuat tidak boleh hadir pada atau dengan apa-apa cara mengambil bahagian dalam apa-apa prosiding berhubungan dengan rayuan itu.

(5) Keputusan Menteri atau Lembaga Rayuan Tata tertib di bawah subseksyen (3) adalah muktamad.

Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan tata tertib.

**23.** (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat peraturan-peraturan untuk mengadakan peruntukan bagi tata tertib pegawai dan pengkhidmatnya.

(2) Peraturan-peraturan tata tertib yang dibuat di bawah seksyen ini—

- (a) boleh mewujudkan kesalahan tata tertib;
- (b) boleh mengadakan peruntukan bagi hukuman tata tertib yang difikirkan sesuai oleh Lembaga, dan hukuman itu boleh meliputi—
  - (i) amaran;
  - (ii) denda;
  - (iii) pelucuthakan emolumen;
  - (iv) penangguhan pergerakan gaji;
  - (v) pengurangan gaji;
  - (vi) penurunan pangkat; dan
  - (vii) buang kerja;
- (c) hendaklah memberikan kepada orang yang terhadapnya presiding tata tertib itu diambil peluang untuk membuat representasi terhadap pertuduhan tata tertib yang dibuat terhadapnya sebelum keputusan dicapai oleh jawatankuasa tata tertib kecuali dalam hal-hal berikut:
  - (i) jika seseorang pegawai atau pengkhidmat Lembaga dibuang kerja atau diturunkan pangkat atas alasan salah laku yang berkenaan dengannya suatu pertuduhan jenayah telah dibuktikan terhadapnya;
  - (ii) jika Lembaga, atas syor Menteri yang dipertanggungkan dengan hal-ehwal dalam negeri, berpuas hati bahawa demi kepentingan keselamatan Malaysia atau mana-mana bahagiannya adalah tidak suaimanfaat untuk menjalankan kehendak perenggan ini; atau

(iii) jika telah—

(A) dibuat terhadap seseorang pegawai atau pengkhidmat Lembaga apa-apa perintah tahanan, pengawasan, kediaman terhad, buang negeri atau deportasi; atau

(B) dikenakan terhadap pegawai atau pengkhidmat Lembaga apa-apa bentuk sekatan atau pengawasan dengan bon atau selainnya,

di bawah mana-mana undang-undang berhubung dengan keselamatan Persekutuan atau mana-mana bahagiannya, pencegahan jenayah, tahanan pencegahan, kediaman terhad, buang negeri, imigresen, atau perlindungan wanita dan gadis;

(d) boleh mengadakan peruntukan bagi penahanan kerja dengan pengurangan emolumen pegawai atau pengkhidmat Lembaga sementara menanti selesainya presiding jenayah atau presiding tatatertib terhadapnya dengan tujuan membuang kerja atau menurunkan pangkatnya; dan

(e) boleh mengadakan peruntukan bagi penggantungan tanpa emolumen seseorang pegawai atau pengkhidmat Lembaga—

(i) jika pegawai atau pengkhidmat itu telah disabitkan oleh suatu mahkamah jenayah; atau

(ii) jika suatu perintah tahanan atau sekatan telah dibuat berkenaan dengan atau dikenakan terhadap pegawai atau pengkhidmat itu.

**24.** (1) Seseorang yang sedang atau pernah bekerja dengan Lembaga boleh disurcaj jika ternyata kepada Lembaga bahawa orang itu—

Pengenaan  
surcaj.

(a) tidak memungut apa-apa wang yang terhutang kepada Lembaga yang pemungutannya menjadi tanggungjawabnya;

- (b) adalah atau pernah bertanggungjawab bagi apa-apa pembayaran wang daripada Lembaga yang tidak sepatutnya dibuat atau bagi apa-apa pembayaran wang yang tidak diluluskan dengan sewajarnya;
- (c) adalah atau pernah bertanggungjawab, secara langsung atau tak langsung, bagi apa-apa kekurangan dalam, atau bagi pemusnahan, apa-apa wang, barang simpanan atau harta lain Lembaga;
- (d) sebagai atau semasa menjadi pegawai perakaunan, tidak menyimpan akaun atau rekod yang sepatutnya; atau
- (e) tidak membuat apa-apa pembayaran, atau adalah atau pernah bertanggungjawab bagi apa-apa kelewatan dalam pembayaran wang daripada Lembaga kepada mana-mana orang yang kepadanya pembayaran itu kena dibuat di bawah mana-mana undang-undang atau di bawah mana-mana kontrak, perjanjian atau perkiraan yang dibuat antara orang itu dengan Lembaga.

(2) Dalam seksyen ini, "pegawai perakaunan" termasuklah tiap-tiap pegawai dan pengkhidmat yang dipertanggungjawabkan dengan kewajipan untuk—

- (a) memungut atau menerima apa-apa wang untuk kumpulan wang, atau mengakaunkan apa-apa wang dalam kumpulan wang, atau yang sebenarnya memungut atau menerima apa-apa wang untuk kumpulan wang atau mengakaunkan apa-apa wang dalam kumpulan wang;
- (b) membuat bayaran, atau yang sebenarnya membuat bayaran, daripada apa-apa wang dalam kumpulan wang; atau
- (c) menerima, menyimpan, melupuskan atau mengakaunkan apa-apa barang simpanan atau harta Lembaga, atau yang sebenarnya menerima, memegang, melupuskan atau mengakaunkan barang simpanan atau harta itu.

**25.** (1) Lembaga hendaklah, sebelum seseorang disurcaj, menyampaikan suatu notis bertulis kepadanya yang memintanya menunjukkan sebab mengapa dia tidak patut disurcaj.

Notis tunjuk sebab sebelum disurcaj.

(2) Jika penjelasan yang memuaskan hati tidak diterima dalam masa empat belas hari dari tarikh penyampaian notis yang disebutkan terdahulu, Lembaga boleh—

- (a) dalam hal perenggan 24(1)(a), (b) dan (c), mensurcaj terhadap orang itu sejumlah wang yang tidak melebihi amaun yang tidak dipungut, atau apa-apa bayaran yang tidak sepatutnya dibuat, atau kekurangan dalam, atau pemusnahan harta yang dilakukan; dan
- (b) dalam hal perenggan 24(1)(d) dan (e), mensurcaj terhadap orang itu apa-apa jumlah wang sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

**26.** Lembaga hendaklah memberitahu orang yang disurcaj berkenaan dengan surcaj yang dikenakan di bawah seksyen 24.

Pemberitahuan surcaj.

**27.** Walau apa pun seksyen 24 dan 25, Lembaga boleh pada bila-bila masa menarik balik apa-apa surcaj yang berkenaan dengannya penjelasan yang memuaskan hati telah diterima atau jika ternyata selainnya bahawa tiada surcaj patut dibuat, dan Lembaga hendaklah dengan serta-merta memberitahu orang yang disurcaj itu akan penarikbalikan itu.

Penarik-balikan surcaj.

**28.** Amaun apa-apa surcaj yang dikenakan di bawah seksyen 24 dan tidak ditarik balik di bawah seksyen 27 hendaklah menjadi hutang yang kena dibayar kepada Lembaga daripada orang yang disurcaj dan boleh didakwa dan diperdapatkan di dalam mana-mana mahkamah atas guaman Lembaga dan boleh juga, jika diarahkan sedemikian oleh Lembaga, diperdapatkan melalui potongan—

Mendapatkan surcaj.

- (a) daripada gaji orang yang disurcaj; atau
- (b) daripada pencen orang yang disurcaj,

dengan ansuran bulanan yang sama banyak yang tidak melebihi satu perempat daripada jumlah gaji atau pencen bulanan, mengikut mana-mana yang berkenaan, orang itu.

Lembaga  
boleh  
menerimapakai  
peraturan, dsb.

**29.** Dalam membuat peraturan-peraturan di bawah Bahagian ini, Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, menerimapakai dengan apa-apa ubahsuaian mana-mana peraturan, kaedah, dasar, pekeliling dan arahan yang diperbuat atau dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan.

#### BAHAGIAN IV

#### PERUNTUKAN KEWANGAN

Kumpulan  
wang.

**30.** (1) Maka dengan ini tertubuhlah suatu kumpulan wang bagi maksud Akta ini yang hendaklah ditadbir dan dikawal oleh Lembaga.

(2) Kumpulan wang itu hendaklah terdiri daripada—

- (a) wang yang diperuntukkan dari semasa ke semasa oleh Kerajaan bagi maksud-maksud Akta ini;
- (b) fee atau caj lain yang dikenakan oleh Lembaga di bawah Akta ini;
- (c) wang yang dipinjam oleh Lembaga di bawah seksyen 33;
- (d) wang yang didapati atau berbangkit daripada apa-apa harta, pelaburan, gadai-janji, gadaian atau debentur yang diperolehi oleh atau terletak pada Lembaga;
- (e) wang yang didapati daripada perkhidmatan rujukan dan nasihat dan perkhidmatan lain yang diberikan oleh Lembaga;
- (f) semua wang lain yang mungkin dengan apa-apa cara menjadi kena dibayar kepada atau terletak pada Lembaga berkenaan dengan apa-apa perkara yang bersampingan dengan fungsi-fungsi dan kuasa-kuasanya; dan
- (g) semua wang lain yang diterima secara sah oleh Lembaga.

**31.** Kumpulan wang hendaklah dibelanjakan bagi maksud—

- (a) membayar apa-apa perbelanjaan yang dilakukan secara sah oleh Lembaga;
- (b) membayar saraan dan elaun Pengerusi dan elaun serta perbelanjaan lain anggota Lembaga, anggota jawatankuasa, pegawai dan pengkhidmat yang dilantik dan diguna-khidmat oleh Lembaga, termasuklah faedah persaraan, pencen dan gratuiti;
- (c) membayar bayaran, kos atau perbelanjaan lain yang dilakukan atau disetujuterima dengan sepatutnya oleh Lembaga pada melaksanakan fungsi-fungsinya dan menjalankan kuasa-kuasanya;
- (d) membayar balik wang yang dipinjam di bawah seksyen 33 dan bunga yang kena dibayar atasnya;
- (e) memberikan pinjaman dan wang pendahuluan kepada pegawai dan pengkhidmat Lembaga di bawah seksyen 17; dan
- (f) pada amnya, membayar apa-apa perbelanjaan bagi melaksanakan Akta ini.

Perbelanjaan yang hendaklah dipertanggungjawabkan pada kumpulan wang.

**32.** Maka adalah menjadi kewajipan Lembaga untuk memelihara kumpulan wang dengan melaksanakan fungsi-fungsinya dan menjalankan kuasa-kuasanya di bawah Akta ini dengan sedemikian cara supaya dapat dipastikan bahawa jumlah hasil Lembaga adalah cukup untuk membayar semua jumlah wang yang boleh dipertanggungjawabkan dengan sepatutnya kepada akaun hasilnya, termasuk susut nilai dan bunga atas modal, dari setahun ke setahun.

Pemeliharaan kumpulan wang.

**33.** Lembaga boleh, dari semasa ke semasa, meminjam dalam apa-apa bentuk dan pada apa-apa kadar bunga dan bagi apa-apa tempoh dan atas apa-apa terma tentang masa dan kaedah pembayaran balik dan selainnya, sebagaimana yang diluluskan oleh Menteri dengan persetujuan Menteri Kewangan, apa-apa wang yang diperlukan oleh Lembaga bagi memenuhi mana-mana obligasinya atau bagi melaksanakan mana-mana fungsinya atau menjalankan mana-mana kuasanya.

Kuasa untuk meminjam.

Deposit dan  
pelaburan  
kumpulan  
wang.

- 34.** Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri—
- (a) menempatkan kumpulan wang sebagai deposit dalam bank di Malaysia; dan
  - (b) melaburkan dalam sekuriti Kerajaan atau apa-apa sekuriti yang dibenarkan oleh Menteri Kewangan, apa-apa wang daripada kumpulan wang yang tidak diperlukan untuk dibelanjakan dengan segera di bawah Akta.

Perbelanjaan  
dan  
penyediaan  
anggaran

- 35.** (1) Perbelanjaan Lembaga hingga sebanyak amaun yang dibenarkan oleh Menteri bagi mana-mana satu tahun hendaklah dibayar daripada kumpulan wang.

(2) Sebelum permulaan bulan September setiap tahun, Lembaga hendaklah mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran perbelanjaan (termasuklah perbelanjaan bagi program penyelidekan dan pembangunan) bagi tahun berikutnya dalam apa-apa bentuk dan yang mengandungi apa-apa butir sebagaimana yang diarahkan oleh Menteri.

(3) Menteri hendaklah, sebelum permulaan tahun yang berikutnya, memberitahu Lembaga amaun yang dibenarkan bagi perbelanjaan pada amnya atau amaun yang dibenarkan bagi setiap jenis perbelanjaan berdasarkan anggaran yang disediakan di bawah subseksyen (2).

(4) Lembaga boleh, pada bila-bila masa, mengemukakan kepada Menteri suatu anggaran perbelanjaan tambahan bagi mana-mana satu tahun dan Menteri boleh membenarkan kesemua atau mana-mana bahagian daripada perbelanjaan tambahan yang termasuk dalam anggaran perbelanjaan tambahan itu.

Akaun dan  
laporan.

- 36.** (1) Lembaga hendaklah menyebabkan disimpan akaun yang sepatutnya bagi kumpulan wang dan laporan yang sepatutnya mengenai aktiviti-aktivitinya dan

hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik selepas berakhirnya setiap tahun kewangan, menyebabkan disediakan bagi tahun kewangan itu—

- (a) suatu penyata akaun Lembaga yang hendaklah mengandungi kunci kira-kira dan akaun pendapatan dan perbelanjaannya; dan
- (b) suatu pernyataan mengenai aktiviti-aktivitinya.

(2) Lembaga hendaklah dengan seberapa segera yang mungkin menghantar suatu salinan penyata akaun di perenggan (1)(a) dan pernyataan mengenai aktiviti-aktivitinya di perenggan (1)(b), yang diperakui oleh juruaudit dan suatu salinan laporan juruaudit kepada Menteri yang hendaklah menyebabkannya dibentangkan di hadapan kedua-dua Majlis Parlimen.

**37.** Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 hendaklah terpakai bagi Lembaga.

Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 adalah terpakai.  
*Akta 240.*

## BAHAGIAN V

### AKREDITASI

**38.** (1) Permohonan daripada institusi pendidikan tinggi swasta untuk pengakreditan sijil, diploma dan ijazahnya hendaklah dibuat kepada Lembaga—

Permohonan akreditasi.

- (a) dalam borang; dan
- (b) dengan menyertakan—
  - (i) apa-apa dokumen dan maklumat bagi maksud memutuskan permohonan itu; dan
  - (ii) fee,

yang ditetapkan oleh Lembaga.

(2) Pada bila-bila masa selepas menerima permohonan akreditasi dan sebelum memutuskannya, Lembaga boleh, melalui notis secara bertulis menghendaki institusi pendidikan tinggi swasta itu mengemukakan dokumen dan maklumat tambahan dalam masa yang ditetapkan.

(3) Dokumen dan maklumat yang dikehendaki di bawah subperenggan (1)(b)(i) dan subseksyen (2) boleh berbeza antara kursus pengajian yang berlainan.

(4) Jika dokumen dan maklumat tambahan yang dikehendaki di bawah subseksyen (2) tidak dikemukakan oleh institusi pendidikan tinggi swasta dalam masa yang ditetapkan atau apa-apa lanjutan masa yang diberikan baginya, maka permohonan itu—

- (a) hendaklah disifatkan telah ditarik balik; dan
- (b) tidak akan ditimbangkan seterusnya,

tanpa menjejaskan hak institusi pendidikan tinggi swasta itu untuk mengemukakan permohonan baru.

Kuasa Lembaga untuk membenarkan atau menolak permohonan.

**39.** (1) Selepas menimbangkan permohonan di bawah subseksyen 38(1), Lembaga—

- (a) boleh meluluskan permohonan itu dan memberikan perakuan akreditasi kepada institusi pendidikan tinggi swasta berkenaan selepas ia membayar fee yang ditetapkan;
- (b) boleh, pada meluluskan permohonan itu, memberikan kepada institusi pendidikan tinggi swasta yang berkenaan suatu perakuan akreditasi bagi kelayakan akademik yang berlainan daripada yang dipohon oleh institusi pendidikan tinggi swasta itu dalam borang permohonannya, selepas ia membayar fee yang ditetapkan; atau
- (c) boleh menolak permohonan itu, dengan menyatakan alasan bagi penolakan itu.

(2) Keputusan Lembaga adalah muktamad.

Kuasa Lembaga untuk mengenakan syarat.

**40.** Lembaga boleh, sama ada pada masa memberikan perakuan akreditasi atau pada bila-bila masa selepasnya, mengenakan apa-apa syarat yang didapati oleh Lembaga adalah perlu atau suaimanfaat dan syarat-syarat itu boleh diubah, dipinda atau dibatalkan dari semasa ke semasa.

**41.** (1) Maka adalah menjadi kewajipan institusi pendidikan tinggi swasta yang telah diberikan perakuan akreditasi untuk menyimpan apa-apa rekod dan dokumen berhubungan dengan sijil, diploma atau ijazah yang berkenaan dengannya perakuan akreditasi itu diberikan, sebagaimana yang ditetapkan oleh Lembaga.

Rekod dan dokumen yang dikehendaki supaya disimpan dan dikemukakan.

(2) Lembaga atau ketua eksekutif boleh menghendaki institusi pendidikan tinggi swasta mengemukakan rekod-rekod dan dokumen-dokumen itu pada bila-bila masa dan mengadakan kemudahan yang munasabah untuk membolehkan rekod-rekod dan dokumen-dokumen itu disemak dan diperiksa.

(3) Jika mana-mana orang gagal mematuhi kehendak di bawah seksyen ini, orang itu adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu bulan, atau kedua-duanya.

**42.** Lembaga mempunyai kuasa untuk menilai semula, dari semasa ke semasa, sijil, diploma dan ijazah yang berkenaan dengannya perakuan akreditasi telah diberikan.

Penilaian semula sijil, diploma dan ijazah.

**43.** (1) Lembaga boleh, pada bila-bila masa, membatalkan perakuan akreditasi yang diberikan di bawah perenggan 39(a) atau (b)—

Pembatalan perakuan akreditasi.

- (a) jika pada pendapat Lembaga, institusi pendidikan tinggi swasta itu tidak mengekalkan standard dan kualiti yang ia dikehendaki supaya mengekalkan, selepas penilaian semula dilakukan ke atas sijil, diploma atau ijazah yang dianugerahkan oleh institusi pendidikan tinggi swasta itu yang berkenaan dengannya perakuan akreditasi itu telah diberikan;
- (b) jika pada pendapat Lembaga, mana-mana syarat perakuan akreditasi itu telah dilanggar;
- (c) jika peruntukan seksyen 41 telah tidak dipatuhi; atau
- (d) kerana apa-apa sebab lain yang mencukupi.

(2) Suatu notis tentang niat untuk membatalkan perakuan akreditasi hendaklah disampaikan kepada institusi pendidikan tinggi swasta yang kepadanya perakuan akreditasi itu diberikan dan notis itu hendaklah menyatakan alasan yang berdasarkannya perakuan akreditasi itu hendak dibatalkan.

(3) Institusi pendidikan tinggi swasta itu akan diberikan peluang untuk membuat representasi secara bertulis dalam masa tiga puluh hari dari tarikh notis di bawah subseksyen (2) diterima olehnya.

(4) Selepas habis tempoh tiga puluh hari yang disebutkan dalam subseksyen (3) dan selepas menimbangkan apa-apa representasi yang dibuat oleh institusi pendidikan tinggi swasta itu, Lembaga—

- (a) hendaklah meneruskan dengan tindakan untuk membatalkan perakuan akreditasi itu sebagaimana yang dicadangkan;
- (b) hendaklah mengeluarkan amaran dan memberikan arahan supaya institusi pendidikan tinggi swasta itu membetulkan keadaan sehinggalah Lembaga berpuas hati; atau
- (c) boleh tidak mengambil apa-apa tindakan lanjut.

Daftar.

**44.** (1) Setiausaha hendaklah menyimpan atau menyebabkan supaya disimpan suatu daftar yang dalamnya hendaklah dicatatkan butir-butir kesemua perakuan akreditasi yang diberikan oleh Lembaga.

(2) Orang ramai boleh membuat carian dalam daftar berkenaan selepas membayar fee yang ditetapkan.

## BAHAGIAN VI

### KESALAHAN DAN PENGUATKUASAAN

Kesalahan dan penalti.

**45.** (1) Jikamana-manaorang atau institusi pendidikan tinggi swasta membuat apa-apa pernyataan atau representasi, sama ada secara bertulis atau selainnya, dengan merujuk kepada mana-mana kursus pengajian yang memberikan atau berkemungkinan memberikan tanggapan bahawa sijil, diploma atau ijazah berkenaan dengan kursus pengajian itu, yang tidak

diakreditkan di bawah Akta ini telah diakreditkan sedemikian, maka orang atau institusi pendidikan tinggi swasta itu adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun, atau kedua-duanya.

(2) Jika mana-mana orang atau institusi pendidikan tinggi swasta—

- (a) bagi maksud memperolehi perakuan akreditasi, membuat apa-apa pernyataan atauakuan atau memberikan apa-apa butir atau maklumat yang diketahuinya adalah palsu atau tidak benar, sama ada pada keseluruhannya atau sebahagiannya, atau yang mengelirukan dalam apa-apa hal material;
- (b) membuat apa-apa Catalan dalam apa-apa penyata, akaun, laporan, rekod atau dokumen yang dikehendaki supaya disimpan, disenggarakan atau dikemukakan di bawah Akta ini, yang palsu atau tidak benar, sama ada pada keseluruhannya atau sebahagiannya, atau yang mengelirukan dalam apa-apa hal material;
- (c) membuat apa-apa pernyataan atau representasi, sama ada secara bertulis atau selainnya, yang memberikan atau berkemungkinan memberikan tanggapan bahawa sesuatu sijil, diploma atau ijazah memenuhi keperluan akreditasi di bawah Akta ini sedangkan ia sebenarnya tidak; atau
- (d) menggunakan suatu perakuan akreditasi setelah ia dibatalkan atau selainnya dengan tidak mengikuti syarat-syarat perakuan akreditasi itu,

maka orang atau institusi pendidikan tinggi swasta itu adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu tahun, atau kedua-duanya.

(3) Dalam hal suatu kesalahan yang berterusan di bawah subseksyen (1) atau (2), orang atau institusi pendidikan tinggi swasta yang disabitkan bagi kesalahan itu boleh dikenakan denda tambahan yang tidak melebihi satu ribu ringgit bagi tiap-tiap hari kesalahan itu diteruskan.

Anggapan.

**46.** Dalam apa-apa presiding bagi suatu kesalahan di bawah Akta ini—

(a) apabila telah dibuktikan bahawa apa-apa permohonan, maklumat, butir-butir, penyata, akaun, rekod, dokumen atau pernyataan, sama ada bertulis atau tidak, adalah—

(i) palsu atau tidak benar pada keseluruhannya atau sebahagiannya; atau

(ii) mengelirukan dalam apa-apa hal material, maka hendaklah dianggapkan sehingga dibuktikan sebaliknya bahawa permohonan, maklumat, butir-butir, penyata, akaun, rekod, dokumen atau pernyataan itu adalah palsu atau tidak benar pada keseluruhannya atau sebahagiannya atau mengelirukan dalam apa-apa hal material, mengikut mana-mana yang berkenaan, pada pengetahuan orang yang menandatangani, menghantar atau menyediakannya; dan

(b) berhubungan dengan perakuan akreditasi, setakat mana yang mungkin perlu untuk membuktikan kesalahan yang dipertuduhkan terhadap seseorang atau suatu institusi pendidikan tinggi swasta, maka hendaklah dianggapkan sehingga dibuktikan sebaliknya bahawa sijil, diploma atau ijazah yang dianugerahkan oleh institusi pendidikan tinggi swasta itu tidak diakreditkan.

Tanggungjawab  
pengarah  
syarikat,  
dll. bagi  
kesalahan  
yang  
dilakukan  
oleh institusi  
pendidikan  
tinggi swasta  
yang  
ditubuhkan  
olehnya, dsb.

**47.** (1) Jika suatu kesalahan terhadap mana-mana peruntukan Akta ini telah dilakukan oleh suatu institusi pendidikan tinggi swasta, maka mana-mana orang yang pada masa kesalahan itu dilakukan ialah—

(a) anggota lembaga pengarah, pengurus, setiausaha atau seseorang yang memegang jawatan atau kedudukan yang serupa dengan pengurus atau setiausaha syarikat yang menubuhkan institusi pendidikan tinggi swasta itu; dan

(b) ketua eksekutif, pegawai, pengkhidmat atau ejen institusi pendidikan tinggi swasta itu,

hendaklah disifatkan telah melakukan kesalahan itu.

(2) Maka hendaklah menjadi suatu pembelaan bagi mana-mana orang yang didakwa menurut subseksyen (1) jika dia membuktikan—

(a) bahawa kesalahan itu telah dilakukan tanpa pengetahuannya atau pembiarannya; atau

(b) bahawa dia telah—

(i) mengambil segala langkah berjaga-jaga yang munasabah; dan

(ii) menjalankan segala usaha yang wajar,

bagi mengelakkan kesalahan itu daripada berlaku, sebagaimana yang sepatutnya diambil dan dijalankan olehnya,

dengan mengambil kira jenis fungsinya dalam sifat itu dan segala hal keadaan.

**48.** Dalam Bahagian ini, "pegawai penyiasat" ertinya— Tafsiran pegawai penyiasat.

(a) pegawai penguatkuasa Lembaga;

(b) Ketua Pendaftar, Timbalan Ketua Pendaftar, Pendaftar, Timbalan Pendaftar dan Penolong Pendaftar yang dilantik di bawah Akta Institusi Akta Pendidikan Tinggi Swasta 1996; dan

(c) pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor.

**49.** (1) Pegawai penyiasat hendaklah mempunyai segala kuasa yang perlu untuk menjalankan penyiasatan tentang kesalahan di bawah Akta ini. Kuasa pegawai penyiasat.

(2) Pegawai penyiasat yang menjalankan penyiasatan di bawah Akta ini boleh memasuki mana-mana tempat atau bangunan dan boleh memeriksa, membuat salinan, membuat cabutan daripada, mengalihkan dan mengambil untuk ditahan apa-apa buku, buku minit, daftar, dokumen, bahan atau barang.

(3) Pegawai penyiasat boleh, melalui notis secara bertulis, menghendaki mana-mana orang memberikan kepadanya apa-apa buku, buku minit, daftar, dokumen, bahan atau barang yang berada dalam milikan atau jagaan atau di bawah kawalan orang itu atau berada dalam kuasa orang itu untuk diberikan.

(4) Seseorang yang—

- (a) tidak mengemukakan apa-apa buku, buku minit, daftar, dokumen, bahan atau barang yang dikehendaki oleh seseorang pegawai penyiasat; atau
- (b) menghalang atau menggendalakan seseorang pegawai penyiasat yang sedang menjalankan mana-mana kuasa di bawah seksyen ini,

adalah melakukan suatu kesalahan, dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu bulan, atau kedua-duanya.

(5) Pegawai penyiasat boleh memberikan kebenaran kepada mana-mana orang untuk memeriksa buku, buku minit, daftar, dokumen, bahan atau barang yang ditahan dan diambil milik oleh pegawai penyiasat di bawah subseksyen (2) jika orang itu berhak di bawah Akta ini untuk memeriksa buku, buku minit, daftar, dokumen, bahan atau barang itu.

(6) Seksyen ini tidak boleh ditafsirkan sebagai menghadkan atau menyentuh apa-apa kuasa yang serupa yang diberikan kepada mana-mana orang di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain.

Kuasa  
untuk  
mengeledah  
dan menyita.

**50.** (1) Jika didapati oleh Majistret, daripada maklumat bertulis yang dibuat atas sumpah dan selepas apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu, bahawa terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa—

- (a) mana-mana premis telah digunakan atau hendak digunakan bagi; atau

- (b) terdapat di dalam mana-mana premis keterangan yang diperlukan bagi membuktikan,

pelakuan suatu kesalahan di bawah Akta ini, maka Majistret boleh mengeluarkan waran yang memberikuasa pegawai penyiasat untuk, pada bila-bila masa yang munasabah sama ada siang atau malam dan sama ada dengan bantuan atau tanpa bantuan—

- (aa) memasuki premis itu, dengan kekerasan jika perlu; dan
- (bb) menggeledah dan menyita dan mengalihkan darinya apa-apa buku, buku minit, daftar, bahan, dokumen, barang atau apa-apa benda lain—
  - (i) yang berkenaan dengannya suatu kesalahan telah dilakukan;
  - (ii) yang berkenaan dengannya suatu kesalahan disyaki telah dilakukan; atau
  - (iii) yang semunasabahnya dipercayai dapat dijadikan keterangan tentang pelakuan kesalahan itu.

(2) Pegawai penyiasat boleh—

- (a) memecahkan mana-mana pintu luar atau pintu dalam premis itu atau mana-mana pagar, kepungan, pintu pagar atau halangan lain ke premis itu supaya dapat masuk ke dalamnya;
- (b) mengalihkan dengan menggunakan kekerasan apa-apa halangan kepada kemasukan, penggeledahan, penyitaan atau pengalihan yang berkenaan dengannya dia mempunyai kuasa di bawah subseksyen (1) untuk melakukan; dan
- (c) menahan tiap-tiap orang yang didapatinya dalam premis itu sehingga premis itu selesai diperiksa.

Mengeledah  
dan menyita  
tanpa waran.

**51.** Jika seseorang pegawai penyiasat mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa disebabkan kelengahan mendapatkan waran geledah di bawah seksyen 50—

- (a) penyiasatan itu akan terjejas;
- (b) tujuan kemasukan itu mungkin terkecewa;
- (c) buku, buku minit, daftar, dokumen, bahan, barang atau apa-apa benda lain yang dicari mungkin dialihkan atau diganggu; atau
- (d) keterangan yang dicari mungkin diganggu atau dimusnahkan,

maka dia boleh menjalankan, di dalam dan berkenaan dengan premis itu, segala kuasa yang disebutkan dalam seksyen 50 secara yang sepenuhnya dan secukupnya seolah-olah dia telah diberikuasa berbuat sedemikian melalui waran yang dikeluarkan di bawah seksyen itu.

Kuasa untuk  
memanggil  
bagi tujuan  
pemeriksaan.

**52.** (1) Pegawai penyiasat boleh, melalui notis secara bertulis, menghendaki mana-mana orang yang tahu tentang fakta dan keadaan sesuatu kes hadir di hadapannya dan untuk diperiksa secara lisan dan hendaklah mengubah ke dalam bentuk bertulis apa-apa pernyataan yang dibuat oleh orang yang diperiksa sedemikian.

(2) Orang itu hendaklah terikat di sisi undang-undang untuk menjawab soalan-soalan berhubungan dengan kes itu yang dikemukakan kepadanya oleh pegawai penyiasat dan untuk menyatakan yang benar, sama ada atau tidak pernyataan itu dibuat keseluruhannya atau sebahagiannya bagi menjawab apa-apa soalan dan tidak boleh enggan menjawab apa-apa soalan atas alasan bahawa soalan itu mungkin menunjukkan bahawa dia bersalah.

(3) Suatu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang di bawah seksyen ini hendaklah ditulis dan ditandatangani oleh orang yang membuatnya atau dicapkan dengan cap ibu jarinya, mengikut mana-mana yang berkenaan—

- (a) selepas pernyataan itu dibacakan kepadanya; dan

(b) selepas dia diberikan peluang untuk membuat apa-apa pembetulan yang dia mahu.

(4) Jika orang yang diperiksa di bawah seksyen ini enggan menandatangani atau menandatangani cap ibu jarinya atas pernyataan itu, pegawai penyiasat hendaklah mengendorkan padanya di bawah tandatangannya hakikat keengganan itu dan sebabnya, jika ada, yang dinyatakan oleh orang yang diperiksa itu.

(5) Apa-apa pernyataan yang dibuat dan direkodkan di bawah seksyen ini boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di dalam mana-mana mahkamah.

(6) Mana-mana orang yang—

- (a) tidak hadir di hadapan seseorang pegawai penyiasat sebagaimana yang dikehendaki di bawah subseksyen (1);
- (b) enggan menjawab apa-apa soalan yang dikemukakan kepadanya oleh seseorang pegawai penyiasat di bawah subseksyen (2); atau
- (c) memberikan kepada seseorang pegawai penyiasat maklumat atau pernyataan yang palsu, tidak benar atau mengelirukan dalam apa-apa hal material,

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu bulan, atau kedua-duanya.

**53.** (1) Lembaga boleh mengkompaun apa-apa kesalahan yang dilakukan oleh institusi pendidikan tinggi swasta atau seseorang di bawah Akta ini atau peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, yang ditetapkan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun.

Kuasa untuk mengkompaun.

(2) Tawaran bertulis hendaklah dibuat kepada institusi pendidikan tinggi swasta atau orang itu untuk mengkompaun kesalahan itu dengan membayar kepada Lembaga—

- (a) apa-apa jumlah wang yang dinyatakan, tetapi yang tidak boleh melebihi lima puluh peratus denda maksimum yang boleh dikenakan kepada institusi pendidikan tinggi swasta atau orang itu jika institusi pendidikan tinggi swasta atau orang itu disabitkan atas kesalahan itu; dan
- (b) dalam masa apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(3) Tawaran di bawah subseksyen (2) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan.

(4) Jika suatu kesalahan telah dikompaun—

- (a) tiada presiding selanjutnya boleh diambil dan tiada pendakwaan boleh dimulakan terhadap institusi pendidikan tinggi swasta atau orang yang kepadanya tawaran kompaun itu telah dibuat; dan
- (b) apa-apa barang, buku, buku minit, daftar, dokumen, bahan, barang atau benda lain yang disita berkaitan dengan kesalahan itu, boleh dilepaskan tertakluk kepada syarat yang boleh dikenakan selaras dengan syarat kompaun.

(5) Apa-apa wang yang diterima oleh Lembaga di bawah seksyen ini hendaklah dibayar ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan.

(6) Jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran kompaun tidak dibayar dalam masa yang dinyatakan dalam tawaran itu, atau dalam apa-apa tempoh lanjutan yang diberikan oleh Lembaga, maka pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap institusi pendidikan tinggi swasta atau orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

- 54.** (1) Seseorang pegawai penyiasat adalah mempunyai kuasa untuk hadir di mahkamah—
- Memulakan dan menjalankan pendakwaan.
- (a) bagi menjalankan apa-apa pendakwaan berkenaan dengan suatu kesalahan di bawah Akta ini; atau
- (b) bagi maksud apa-apa prosiding undang-undang yang lain di bawah Akta ini.

(2) Pendakwaan berkenaan dengan kesalahan di bawah Akta ini tidak boleh dimulakan atau dijalankan tanpa kebenaran bertulis Pendakwa Raya.

(3) Bagi mengelakkan keraguan, seseorang yang menjalankan pendakwaan terhadap suatu kesalahan di bawah Akta ini bukanlah pegawai penyiasat bagi kesalahan yang berkenaan dengannya orang itu menjalankan pendakwaan.

- 55.** Tiada seorangpun adalah, dalam apa-apa prosiding di hadapan mana-mana mahkamah berkenaan dengan penyitaan apa-apa jua pun yang disita daripadanya atau ditahan, pada menjalankan atau berupa menjalankan mana-mana kuasa yang diberikan di bawah Bahagian ini, berhak mendapatkan kos prosiding itu atau apa-apa gantirugi atau relief lain, selain daripada perintah pemulangan benda yang disita atau ditahan itu, atau bayaran berdasarkan nilainya, melainkan jika penyitaan atau penahanan itu dibuat tanpa sebab yang munasabah atau berpatutan.
- Tiada hak ke atas kos prosiding, kerugian atau relief lain, dsb.

## BAHAGIAN VII

### AM

- 56.** (1) Lembaga boleh, dengan kelulusan Menteri, membuat apa-apa peraturan yang suaimanfaat atau perlu bagi pelaksanaan peruntukan-peruntukan Akta ini.
- Kuasa untuk membuat peraturan-peraturan.

(2) Tanpa menjejaskan keluasan subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat bagi menetapkan—

- (a) prosedur, cara dan borang bagi permohonan untuk mendapatkan perakuan akreditasi;

- (b) borang perakuan akreditasi;
- (c) fee dan caj yang dikehendaki dibayar di bawah Akta ini;
- (d) rekod, akaun, laporan dan dokumen yang dikehendaki supaya disimpan, disenggarakan dan dikemukakan di bawah Akta ini;
- (e) prosedur bagi penilaian semula sijil, diploma dan ijazah yang berkenaan dengannya perakuan akreditasi telah diberikan;
- (f) cara penyampaian apa-apa notis yang dikehendaki supaya disampaikan di bawah Akta ini;
- (g) prosedur bagi pembatalan perakuan akreditasi;
- (h) kesalahan yang boleh dikompaun di bawah Akta ini; dan
- (i) apa-apa perkara lain yang dikehendaki oleh Akta ini supaya ditetapkan atau dinyatakan atau yang perlu atau suaimanfaat untuk ditetapkan atau dinyatakan bagi melaksanakan Akta ini.

Obligasi  
menyimpan  
rahsia.

**57.** (1) Kecuali bagi mana-mana maksud Akta ini atau bagi maksud apa-apa prosiding sivil atau jenayah di bawah mana-mana undang-undang bertulis, tiada anggota Lembaga, anggota jawatankuasa, pegawai atau pengkhidmat Lembaga boleh mendedahkan apa-apa maklumat yang telah diperolehinya semasa menjalankan kewajipan-kewajipannya dan yang tidak disiarkan menurut Akta ini.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi satu bulan, atau kedua-duanya.

Pengkhidmat  
awam.

*N.M.B.*  
*Bab 45.*

**58.** Pengerusi, semua anggota Lembaga dan anggota mana-mana jawatankuasa, pegawai, pengkhidmat dan ejen Lembaga hendaklah disifatkan sebagai pengkhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan, semasa menunaikan kewajipan-kewajipan mereka sebagai Pengerusi, anggota, pegawai, pengkhidmat atau ejen itu.

**59.** Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 adalah terpakai bagi apa-apa tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding terhadap Lembaga atau terhadap Pengerusi, mana-mana anggota Lembaga atau mana-mana anggota jawatankuasa, pegawai, pengkhidmat atau ejen Lembaga berkenaan dengan apa-apa perbuatan, keabaiian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya atas sifat yang sedemikian itu.

Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948. Akta 198.

**60.** Segala perkara yang dilakukan oleh mana-mana orang atau pihak berkuasa bagi pihak Lembaga pada menyediakan dan ke arah pelaksanaan sepatutnya mana-mana peruntukan Akta ini, dan apa-apa perbelanjaan yang dilakukan berhubungan dengannya, pada menjangkakan bahawa Akta ini akan diperbuat hendaklah disifatkan telah dibenarkan oleh Akta ini, dan segala hak yang diperolehi atau obligasi yang ditanggung bagi pihak Lembaga daripada apa-apa jua yang dilakukan sedemikian hendaklah, apabila mula berkuatkuasanya Akta ini, disifatkan sebagai hak dan obligasi Lembaga.

Perkara yang dilakukan pada menjangkakan bahawa Akta ini akan diperbuat.

## JADUAL

(Subseksyen 5(3))

1. (1) Tertakluk kepada apa-apa syarat yang dinyatakan dalam suratcara perlantikannya, Pengerusi dan anggota Lembaga hendaklah memegang jawatan selama tempoh yang tidak melebihi tiga tahun dan adalah layak untuk dilantik semula.

Perlantikan, pembatalan dan perletakan jawatan.

(2) Perlantikan—

(a) Pengerusi boleh, pada bila-bila masa, dibatalkan oleh Yang di-Pertuan Agong; dan

(b) mana-mana anggota boleh, pada bila-bila masa, dibatalkan oleh Menteri,

tanpa memberikan apa-apa sebab baginya.

(3) Pengerusi boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatan melalui surat yang ditujukan kepada Yang di-Pertuan Agong.

(4) Seseorang anggota boleh, pada bila-bila masa, meletakkan jawatan melalui surat yang ditujukan kepada Menteri.

Pengerusi dan anggota hendaklah menumpukan masa kepada Lembaga.

2. Pengerusi dan tiap-tiap anggota hendaklah menumpukan masa kepada urusan Lembaga sebagaimana yang perlu untuk menunaikan kewajipan mereka secara berkesan.

Pengosongan jawalan.

3. (1) Jawatan Pengerusi atau seseorang anggota Lembaga hendaklah menjadi kosong—

- (a) jika dia mati;
- (b) jika telah dibuktikan terhadapnya, atau jika dia telah disabitkan atas, sesuatu pertuduhan berkenaan dengan—
  - (i) kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan atau keburukan akhlak;
  - (ii) kesalahan di bawah mana-mana undang-undang berhubungan dengan rasuah; atau
  - (iii) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum dengan pemenjaraan (sama ada pemenjaraan sahaja atau sebagai tambahan kepada denda atau sebagai ganti denda) selama lebih daripada dua tahun;
- (c) jika kelakuannya, sama ada yang berkaitan dengan tugasnya sebagai Pengerusi atau anggota Lembaga atau selainnya, adalah kelakuan yang memburukkan nama Lembaga;
- (d) jika dia menjadi bankrap;
- (e) jika dia tak sempurna akal atau selainnya tak berupaya menunaikan kewajipan-kewajipannya;
- (f) dalam hal Pengerusi, jika dia tidak menghadiri mesyuarat Lembaga tanpa kebenaran Menteri;
- (g) dalam hal seseorang anggota, jika dia tidak menghadiri mesyuarat Lembaga tiga kali berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi;
- (h) dalam hal Pengerusi, jika perletakan jawatannya diterima oleh Yang di-Pertuan Agong dan dalam hal anggota Lembaga, jika perletakan jawatannya diterima oleh Menteri; atau
- (i) dalam hal Pengerusi, jika perlantikannya dibatalkan oleh Yang di-Pertuan Agong dan dalam hal anggota Lembaga, jika perlantikannya dibatalkan oleh Menteri.

Mesyuarat

4. (1) Lembaga hendaklah mengadakan mesyuarat sebagaimana dan apabila dikehendaki berbuat sedemikian oleh Pengerusi.

(2) Pengerusi, atau Timbalan Pengerusi jika dia yang mempengerusikan mesyuarat, dan lima anggota Lembaga yang lain hendaklah membentuk kuorum bagi mana-mana mesyuarat Lembaga.

(3) Jika mengenai apa-apa soal yang hendak diputuskan oleh Lembaga terdapat bilangan undi yang sama banyak, maka Pengerusi, atau Timbalan Pengerusi jika dia yang mempengerusikan mesyuarat, hendaklah mempunyai undi pemutus sebagai tambahan kepada undi biasanya.

5. (1) Lembaga boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mesyuarat atau perbincangan Lembaga bagi maksud menasihatinya tentang apa-apa perkara yang dibincangkannya, tetapi orang yang diundang itu tidak berhak untuk mengundi dalam mesyuarat atau perbincangan itu.

Lembaga boleh mengundang orang lain menghadiri mesyuarat.

(2) Seseorang yang diundang di bawah subperenggan (1) hendaklah dibayar apa-apa elaun yang ditentukan oleh Lembaga.

6. (1) Setiausaha hendaklah menyebabkan minit kesemua mesyuarat Lembaga disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya.

Minit.

(2) Minit yang dibuat mengenai mesyuarat Lembaga, jika ditandatangani dengan sewajarnya, hendaklah diterima sebagai keterangan dalam segala prosiding undang-undang tanpa bukti selanjutnya.

(3) Tiap-tiap mesyuarat Lembaga yang minit berkenaan dengan prosidingnya telah dibuat sedemikian hendaklah disifatkan telah dipanggil dan diadakan dengan sewajarnya dan kesemua anggota dalam mesyuarat itu layak dengan sewajarnya untuk bertindak.

7. (1) Seseorang anggota Lembaga yang, secara langsung atau tak langsung, mempunyai sendiri atau melalui pekongsinya—

Penzahiran kepentingan

(a) suatu kepentingan dalam mana-mana syarikat atau usaha yang dengannya Lembaga bercadang hendak membuat suatu kontrak; atau

(b) suatu kepentingan dalam suatu kontrak atau perkara yang sedang dibincangkan oleh Lembaga,

hendaklah menzahirkan kepada Lembaga hakikat dan jenis kepentingannya itu.

(2) Penzahiran di bawah subperenggan (1) hendaklah direkodkan dalam minit Lembaga dan, melainkan jika dibenarkan secara khusus oleh Pengerusi, anggota itu tidak boleh mengambil bahagian dalam perbincangan atau keputusan Lembaga berhubungan dengan kontrak atau perkara itu.

Kesahan  
tindakan dan  
prosiding

8. Tiada apa-apa tindakan yang dilakukan atau prosiding yang dibuat di bawah Akta ini boleh dipersoalkan atas alasan bahawa—

- (a) ada suatu kekosongan dalam keanggotaan, atau ada suatu kecacatan dalam penubuhan, Lembaga;
- (b) ada pelanggaran peruntukan perenggan 7 oleh seorang anggota Lembaga; atau
- (c) ada suatu peninggalan, kecacatan atau ketakteraturan yang tidak menyentuh merit kes itu.

Meterai biasa.

9. (1) Lembaga hendaklah mempunyai suatu meterai biasa yang mengandungi suatu tanda yang diluluskan oleh Lembaga.

(2) Meterai biasa itu boleh, dari semasa ke semasa, dipecahkan, ditukar, diubah dan dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Lembaga.

(3) Sehingga suatu meterai diadakan oleh Lembaga, suatu cop yang mengandungi perkataan "Lembaga Akreditasi Negara" bolehlah digunakan dan hendaklah disifatkan sebagai meterai biasa Lembaga.

(4) Meterai biasa itu hendaklah disimpan dalam jagaan Pengerusi dan hendaklah disahkan oleh Pengerusi, atau Timbalan Pengerusi semasa ketiadaan Pengerusi.

(5) Segala suratikatan, dokumen dan suratcara lain yang berupa sebagai dimeteraikan dengan meterai biasa itu dan yang disahkan sebagaimana yang disebutkan dalam subperenggan (4) hendaklah disifatkan sebagai telah disempurnakan dengan sahnya sehingga dibuktikan sebaliknya.

(6) Suatu suratikatan, dokumen atau suratcara yang jika disempurnakan oleh seseorang yang bukan suatu pertubuhan perbadanan, tidak dikehendaki supaya dimeteraikan, boleh disempurnakan oleh Lembaga mengikut cara yang serupa.

(7) Segala suratikatan, dokumen dan suratcara yang disebutkan dalam subperenggan (6) boleh disempurnakan bagi pihak Lembaga oleh seorang anggota Lembaga atau pegawai Lembaga yang diberikuasa secara am atau khas oleh Lembaga bagi maksud itu.

(8) Meterai biasa Lembaga hendaklah diberikan pengiktirafan rasmi dan kehakiman.

Prosedur.

10. Tertakluk kepada Akta ini, Lembaga hendaklah, mengikut budi bicaranya, menentukan prosedurnya sendiri.

## HURAIAN

Akta Lembaga Akreditasi Negara 1996 ("Akta") yang dicadangkan ini bertujuan menubuhkan suatu pihak berkuasa statutori dengan nama "Lembaga Akreditasi Negara" yang bertanggungjawab ke atas standard dan kualiti sijil, diploma dan ijazah yang dianugerahkan oleh institusi pendidikan tinggi swasta melalui pemberian perakuan akreditasi ke arah menjadikan Malaysia pusat kecermelangan pendidikan.

## BAHAGIAN I

2. Bahagian I mengandungi perkara-perkara permulaan.
3. *Fasal 1* bertujuan mengadakan peruntukan mengenai tajuk ringkas dan mula berkuatkuasanya Akta.
4. *Fasal 2* bertujuan mentafsirkan beberapa perkataan dan ungkapan yang digunakan dalam Akta.

## BAHAGIAN II

5. Bahagian II mengandungi peruntukan berhubung dengan Lembaga Akreditasi Negara (Lembaga").
6. *Fasal 3* bertujuan mengadakan peruntukan bagi penubuhan Lembaga sementara fungsi-fungsi Lembaga dinyatakan dalam *fasal 4*.
  1. *Fasal 5* mengandungi peruntukan tentang keanggotaan Lembaga sementara *fasal 6* mengadakan sebutan mengenai Timbalan Pengerusi dan *fasal 7* pula memperkatakan pembayaran saraan dan elaun kepada Pengerusi dan anggota Lembaga.
8. Lembaga dibenarkan menubuhkan jawatankuasa dalam *fasal 8* dan mewakilkan fungsi-fungsinya dalam *fasal 10*.
9. *Fasal 9* menghendaki Pengerusi dan semua anggota Lembaga membuat akuan berkanun berkenaan kepentingan mereka dalam mana-mana institusi pendidikan tinggi swasta, jika ada.
10. *Fasal 11* bertujuan memberikuasa Menteri untuk memberikan arahan-arahan kepada Lembaga.
11. Suatu kewajipan dikenakan ke atas Lembaga dalam *fasal 12* untuk mengemukakan penyata, laporan, akaun dan maklumat tertentu.

## BAHAGIAN III

12. Bahagian III bertujuan memperkatakan peruntukan berhubung dengan ketua eksekutif, pegawai dan pengkhidmat Lembaga.

13. *Fasal 13* bertujuan menyatakan kewajipan Pengerusi Lembaga yang juga merupakan ketua eksekutif Lembaga sementara *fasal 14* dan *15* bertujuan mengadakan peruntukan bagi perlantikan Setiausaha Lembaga dan perlantikan pegawai dan pengkhidmat Lembaga yang lain.

14. *Fasal 16* bertujuan memberikuasa Lembaga, dengan kelulusan Menteri, untuk membuat peraturan-peraturan mengenai syarat-syarat perkhidmatan pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmatnya.

15. *Fasal 17* membenarkan Lembaga memberikan pinjaman dan wang pendahuluan kepada pegawai-pegawai dan pengkhidmat-pengkhidmatnya manakala bayaran faedah persaraan, gratuiti dan elaun lain bolen dibuat di bawah *fasal 18*.

16. Menurut *fasal 19*, perkara-perkara di bawah *fasal 15,17*, dan *18* tidak boleh dibuat tanpa mendapat kelulusan pihak-pihak berkuasa awam tertentu terlebih dahulu.

17. Di bawah *fasal 20* Lembaga diberikan kuasa tatatertib ke atas semua pegawai dan pengkhidmatnya. Penubuhan jawatankuasa tatatertib diperuntukkan dalam *fasal 21*. Lembaga diberikuasa mengawalselia rayuan tatatertib dalam *fasal 22* dan membuat peraturan-peraturan tatatertib dalam *fasal 23*.

18. *Fasal 24* ke *28* memperkatakan surcaj.

19. Di bawah *fasal 29* Lembaga dibenarkan menerimapakai peraturan-peraturan, dsb. yang dikeluarkan oleh Kerajaan Persekutuan.

#### BAHAGIAN IV

20. Bahagian IV mengandungi peruntukan kewangan.

21. *Fasal 30* dan *31* bertujuan mengadakan peruntukan bagi penubuhan kumpulan wang dan perbelanjaan yang boleh dipertanggungkan ke atas kumpulan wang itu sementara suatu kewajipan dikenakan ke atas Lembaga dalam *fasal 32* untuk memelihara kumpulan wang itu.

22. *Fasal 33* bertujuan memberikuasa Lembaga meminjam wang.

23. *Fasal 34* mengawalselia deposit dan pelaburan kumpulan wang.

24. Lembaga dikehendaki menyediakan anggaran perbelanjaan dalam *fasal 35* dan menyimpan akaun perbelanjaan dan laporan aktiviti yang patut dalam *fasal 36*.

25. *Fasal 37* bertujuan memperuntukkan bahawa peruntukan Akta Badan Berkanun (Akaun dan Laporan Tahunan) 1980 hendaklah terpakai bagi Lembaga.

## BAHAGIAN V

26. Bahagian V memperkatakan perkara-perkara berhubungan dengan akreditasi.
27. Permohonan bagi pengakreditan sijil, diploma dan ijazah boleh dibuat di bawah *fasal 38*, sementara *fasal 39* dan *40* adalah berhubungan dengan kuasa Lembaga untuk membenarkan atau menolak permohonan akreditasi dan penganan syarat-syarat ke atas perakuan akreditasi.
28. *Fasal 41* mengenakan kewajipan ke atas institusi pendidikan tinggi swasta yang telah diberikan perakuan akreditasi untuk menyenggara penyata, rekod dan dokumen tertentu untuk memudahkan penilaian semula perakuan akreditasi itu di bawah *fasal 42*.
29. Suatu perakuan akreditasi boleh dibatalkan di bawah *fasal 43*.
30. Setiausaha Lembaga adalah bertanggungjawab di bawah *fasal 44* untuk menyimpan dan menyenggara suatu daftar yang mengandungi butir-butir mengenai semua perakuan akreditasi yang diberikan oleh Lembaga.

## BAHAGIAN VI

31. Bahagian VI bertujuan mengadakan peruntukan mengenai kesalahan dan penguatkuasaan Akta.
32. *Fasal 45* mewujudkan kesalahan-kesalahan dan penalti manakala *fasal 46* bertujuan memperkatakan anggapan dan *fasal 47* pula memperihalkan tanggungan pengarah dan pegawai-pegawai lain dalam syarikat dan institusi pendidikan tinggi swasta.
33. *Fasal 48* bertujuan memperuntukkan tafsiran bagi "pegawai penyiasat" dan kuasa mereka, termasuklah kuasa untuk menggeledah dan menyita, sama ada dengan waran atau tanpa waran, serta kuasa mereka untuk memanggil bagi tujuan pemeriksaan dinyatakan dalam *fasal 49, 50, 51* dan *52*.
34. Pengkompaunan kesalahan dikawalselia di bawah *fasal 53* sementara *fasal 54* pula berkaitan dengan pemulaan dan penjalanan pendakwaan.
35. *Fasal 55* bertujuan memperkatakan ketiadaan hak untuk menuntut kos prosiding dan gantirugi serta relief lain.

## BAHAGIAN VII

36. Bahagian VII mengandungi peruntukan am.
37. *Fasal 56* memberikuasa Lembaga untuk membuat peraturan-peraturan dengan kelulusan Menteri.

38. *Fasal 57* melarang anggota, pegawai dan pengkhidmat Lembaga daripada mendedahkan maklumat yang diperolehi semasa menjalankan tugas.

39. *Fasal 58* menyifatkan bahawa Pengerusi, semua anggota Lembaga dan anggota jawatankuasa yang ditubuhkan oleh Lembaga, pegawai dan pengkhidmat Lembaga adalah pengkhidmat awam mengikut pengertian Kanun Keseksaan dan *fasal 59* bertujuan memperuntukkan pemakaian Akta Perlindungan Pihak Berkuasa Awam 1948 bagi Lembaga.

40. *Fasal 60* mengesahkan bahawa semua perkara yang dilakukan pada menjangkakan yang Akta ini akan diperbuat hendaklah disifatkan telah dibenarkan oleh Akta ini.

#### IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini akan melibatkan Kerajaan dalam perbelanjaan wang tambahan yang amaunnya belum dapat ditentukan sekarang. [PN. (U<sup>2</sup>) 1921.]